

MAHATHIR-KABINET

KUALA LUMPUR, 24 JULAI (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENJELASKAN BAHAWA PEMBENTUKAN KERAJAAN NEGERI ALA-KABINET BUKANLAH SATU ARAHAN DARI PUSAT.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI PEJABATNYA DI SINI BELIAU BERKATA PEMBENTUKAN KERAJAAN SECARA ITU DIBUAT OLEH KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI ADALAH BERTUJUAN SEMATA-MATA UNTUK MEMPERKEMAS SERTA MELINCINKAN LAGI JENTERA PENTADBIRAN NEGERI.

KATANYA, DI SAMPING ITU IA AKAN JUGA DAPAT MEMBERI PELUANG KEPADA AHLI-AHLI EXCO UNTUK MENYERTAI KERAJAAN NEGERI MASING-MASING SECARA LEBIH BERKESAN DENGAN ADANYA SISTEM KABINET ITU.

MENURUT BELIAU MEREKA TIDAK DIBERI ELAUN KHAS ATAU JUGA MEMPUNYAI KUASA ESEKUTIF.

BELIAU YAKIN SISTEM KABINET ITU AKAN DAPAT MEMBERI KESAN YANG BERERTI KEPADA KERAJAAN NEGERI SERTA KECEKAPAN YANG MAKSIMUM KEPADA RAKYAT — BERNAMA 1716/A1